

# Mahathir duga ramai akan rebut naib- presiden

KUALA LUMPUR, Isnin. — Dr. Mahathir Mohamed menganggap kemungkinan ramainya tokoh UMNO bertanding merebut jawatan Naib Presiden parti dalam perhimpunan agung bulan Jun ini sebagai satu tanda sihat dan baik untuk masa depan UMNO.

Sekurang-kurangnya, kata beliau, ahli-ahli UMNO dapat kesempatan memilih pemimpin yang mereka mahu dan pemimpin yang bertanding pula mendapat pengalaman dan pengetahuan sejauh manakah pimpinannya diperlukan.

**TERTARIK**

Dr. Mahathir yang juga Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO Malaysia berkata, beliau tertarik hati dan gembira kerana ramai tokoh UMNO telah menyatakan keinginan untuk bertanding merebut jawatan tersebut.

"Ini merupakan satu tanda bahawa semangat kesedaran sentiasa ada di kalangan ahli-ahli UMNO untuk memimpin parti," katanya.

Menteri Pelajaran itu berkata, beliau gembira jawatan itu di pertandingkan "kerana dengan ini dapatlah ahli-ahli UMNO memilih secara meluas pimpinan mana yang mereka mahu."

Dr. Mahathir berkata, beliau tidak dapat menentukan samada akan bertanding atau tidak untuk jawatan tersebut.

"Tetapi jika ada pencalonan, saya akan menimbangkannya," katanya.

## SETUJU

Beliau setuju bahawa perhimpunan agung bulan Jun ini sebagai menarik "kerana inilah perhimpunan UMNO yang pertama mengikut sistem pemilihan tiga tahun sekali.

"Kerana itu tidak hairanlah kalau ia dianggap penting dan menarik," kata beliau.

Tiga orang Naib Presiden UMNO sekarang selain yang duduk atas nama Ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita, ialah Tan Sri Sardon Jubir, Encik Ghafar Baba dan Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah.

Tan Sri Sardon tidak akan bertanding lagi kerana telah dilantik sebagai Gabenor Pulau Pinang.